

# Pindaan DEB untung semua kaum

## Misi Nasional pastikan keutamaan rakyat dibela untuk kestabilan negara

Oleh Dr Mohamad Khir Toyo

**K**ETIDAKSEIMBANGAN pencapaian sosio ekonomi antara kaum yang tidak ditangani secara berkesan dipercayai menyumbang kepada berlakunya tragedi hitam dalam susur galur sejarah negara apabila terjadinya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

Bagi mengelakkan ketidakseimbangan sosio ekonomi antara kaum meruncing, Dasar Ekonomi Baru (DEB) digubal dengan matlamat utama mencapai perpaduan kebangsaan. Dua prakarsa perdana di bawah DEB guna bagi mencapai matlamat ini adalah penghapusan kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat.

Berakhirnya DEB pada 1990 menyaksikan ekuiti Bumiputera meningkat daripada 2.4 peratus kepada 20.3 peratus. Namun peningkatan peratus pemilikan ekuiti yang dicapai masih belum dapat memenuhi matlamat 30 peratus seperti digariskan sebagai tanda aras utama kejayaan DEB. Hari ini angka pemilikan ekuiti Bumiputera mengalami penurunan kepada 18.9 peratus.

Walaupun DEB gagal mencapai sasaran numerikal pemilikan ekuiti seperti ditetapkan, ia berjaya mengurangkan kadar kemiskinan bukan saja di kalangan Bumiputera tetapi juga di kalangan rakyat berbilang kaum negara ini. Daripada insiden kemiskinan setinggi 49 peratus pra DEB kepada hanya 5.7 peratus hari ini. Di kalangan kaum Cina insiden kemiskinan berada pada kadar 0.6 peratus, di kalangan kaum India 2.9 peratus manakala di kalangan kaum Bumiputera ia berada pada kadar 8.3 peratus, angka yang tertinggi antara semua kaum.

Jurang pendapatan antara kaum Cina dan Bumiputera juga semakin berkurang dari 1:2.29 pra DEB kepada 1.83 apabila tamatnya DEB, ia turun kepada 1:1.64 pada 2004. Dijangkakan nisbah ini akan terus menurun kepada 1:1.50 menjelang tamatnya RMK-9 pada 2010.

Proses kejuruteraan sosial DEB juga berjaya melahirkan kumpulan kelas pertengahan dan golongan profesional Bumiputera yang besar. Daripada hanya 225 profesional Bumiputera pra DEB jumlah itu bertambah kepada 11,753 orang profesional apabila tamatnya DEB dan 42,414 orang hari ini.

Statistik menunjukkan jika pada 1970 hanya ada 40 akauntan Bumiputera, 66 jurutera Bumiputera dan 79 doktor Bumiputera, hari ini jumlah itu telah bertambah masing-masing kepada 4,498 akauntan, 22,623 jurutera dan 5,720 doktor.

Kebimbangan bukan Bumiputera bahawa mereka akan mengalami kerugian akibat tindakan afirmatif DEB meleset sama sekali. Dua dekad pelaksanaan DEB menyaksikan ia tidak merugikan mana-mana kaum, sebaliknya ia menguntungkan semua kaum kerana pelaksanaan dasar ini oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) bukan dibuat ala *Robin Hood* iaitu mengambil daripada yang kaya untuk diberi kepada yang miskin sebaliknya ia di laksana berteraskan kepada perkongsian saksama ke ekonomi yang semakin membesar.

Bukan Bumiputera juga dapat menikmati kesan dari kestabilan sosial dan politik yang terhasil apabila pengagihan kekayaan dibuat secara saksama. Buktinya

INTI PATI

- Proses kejuruteraan sosial DEB berjaya melahirkan kumpulan kelas pertengahan dan golongan profesional Bumiputera. Daripada hanya 225 profesional Bumiputera pra DEB jumlah itu bertambah kepada 11,753 orang profesional apabila tamat DEB dan 42,414 orang sehingga kini.
- Bagi merubah masyarakat petani sara diri yang rata-ratanya tinggal di luar bandar untuk menjadi masyarakat perdagangan dan perindustrian moden dalam tempoh dua dekad adalah suatu cabaran yang amat besar.
- Tindakan afirmatif melalui DEB menunjukkan kejayaan. Apa yang perlu dilakukan bukan menghentikan tindakan afirmatif kerana terdapat kelemahan tetapi untuk menambah baik pelaksanaan serta keberkesannya.

pemilikan ekuiti kaum Cina yang meningkat dari 32.3 peratus pra DEB kepada 45.9 peratus apabila DEB tamat.

Walaupun DEB tamat pada 1990, tindakan afirmatif masih diteruskan melalui dasar pasca DEB seperti Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Dasar Pembangunan Wawasan (DPW). Bukan saja matlamat pemilikan ekuiti 30 peratus masih belum tercapai tetapi juga masyarakat Bumiputera secara umumnya masih terbelakang dari segi pencapaian sosio ekonomi berbanding kaum lain di negara ini.

Jika kita melihat data pemilikan premis komersial misalnya maka kita akan mendapati bahawa orang Bumiputera hanya memiliki 12.7 peratus kompleks perniagaan berbanding pemilikan kaum Cina 72.6 peratus, memiliki 4.8 peratus premis industri berbanding 70.4 peratus oleh kaum Cina serta memiliki 14.3 peratus bangunan hotel berbanding 69.3 peratus pemilikan oleh kaum Cina.

Perbandingan pendapatan kasar bulanan isi rumah antara kaum juga menunjukkan terdapat jurang yang besar antara pencapaian Bumiputera dan bukan Bumiputera. Data 2005 menunjukkan pendapatan isi rumah kasar bulanan Bumiputera untuk 2004 berjumlah RM2,522, bukan saja ketinggalan jika dibandingkan dengan pendapatan kaum Cina RM4,127 dan India RM3,215 tetapi juga jauh lebih rendah daripada purata kebangsaan RM3,022. Ini menunjukkan kaum Bumiputera ketinggalan bukan sahaja berbanding kaum lain di negara ini tetapi juga tidak dapat mencapai standard minimum nasional.

Hari ini polemik tercetus akibat dakwaan yang dibuat sesetengah pihak kononnya kaum Bumiputera sudah berjaya mencapai matlamat pemilikan ekuiti melebihi 30 peratus, pemilikan Bumiputera didakwa berada pada tahap 45 peratus.

Angka ini diperoleh dengan menganalisis modal saham syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia.

Oleh kerana sasaran pemilikan sudah dicapai mereka mendesak kerajaan agar mengganti dasar pengagihan berasaskan kaum menggunakan tindakan afirmatif yang diguna pakai hari ini kepada dasar pengagihan yang berasaskan kepada keperluan individu tanpa mengira kaum.

Ada tiga persoalan utama yang perlu ditimbulkan terhadap kajian yang dibuat serta pandangan yang dilontarkan hasil kajian itu, pertama betulkah pemilikan ekuiti saham lebih 1,000 syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia adalah ukuran secara menyeluruh terhadap kedudukan pencapaian sosio ekonomi kaum di Malaysia, kedua betulkah pemilikan ekuiti Bumiputera sudah mencapai tahap 45 peratus dan persoalan ketiga perlukan tindakan afirmatif berasaskan kaum diteruskan.

Untuk menjawab persoalan pertama kita perlu menerima hakikat bahawa jumlah syarikat yang tersenarai di bursa tidak mempamerkan sepenuhnya kapasiti penjana kekayaan oleh sektor korporat. Seorang atau sekumpulan individu yang ingin memulakan atau menjalankan aktiviti perniagaan biasanya akan menubuhkan sebuah syarikat terhad untuk mengurangkan risiko liabiliti yang bakal ditanggung dirinya, namun bukan semua usahawan bertindak untuk mengapungkan syarikat mereka di pasaran saham.

Ada syarikat yang walaupun layak untuk menyenaraikan syarikat mereka tidak berbuat demikian kerana sebab tertentu. Oleh itu langkah kajian yang menggunakan syarikat tersenarai di pasaran modal yang mewakili kurang lebih 1,000 syarikat bagi menilai penguasaan ekuiti kaum di Malaysia dalam sektor korporat tidak mencerminkan potensi penjana kekayaan oleh 716,000 lagi syarikat terhad yang tidak tersenarai.

Tumpuan juga perlu diberikan kepada nilai entiti perniagaan yang bersifat pemilikan tunggal dan perkongsian. Golongan profesional seperti peguam, akauntan dan doktor misalnya tidak dibenarkan oleh undang-undang untuk menubuhkan syarikat bagi menawarkan perkhidmatan mereka, golongan ini hanya dibenarkan menubuhkan perkongsian atau menjadi pemilik tunggal oleh undang-undang, bagaimana pula kita akan menilai nilai ekuiti mereka?

Persoalan kedua timbul membabitkan pengiraan pemilikan ekuiti yang menunjukkan angka pemilikan Bumiputera pada kadar 45 peratus. Kita ingin bertanya apakah kriteria definitif yang digunakan untuk mengklasifikasikan sesebuah syarikat tersenarai sebagai syarikat milik Bumiputera atau bukan Bumiputera. Kenapakah pula syarikat berkaifan kerajaan atau GLC dikira sebagai syarikat Bumiputera, bukannya GLC adalah milik semua rakyat Malaysia? Adakah dalam sebuah GLC tidak ada pemegang saham bukan Bumiputera? Tindakan mengklasifikasikan GLC sebagai milik Bumiputera adalah sama dengan tindakan golongan yang menganggap bahawa sekolah kebangsaan adalah sekolah eksklusif untuk orang Melayu sahaja, oleh itu segala perbelanjaan yang diperuntukkan kepada sekolah ini ditanggung bersama dengan perbelanjaan pen-

didikan untuk satu kaum saja bukannya untuk semua kaum walhal sekolah kebangsaan seperti istilah yang digunakan dalam namanya menunjukkan bahawa ia adalah milik semua rakyat Malaysia.

Bagaimana pula mengklasifikasikan pelaburan lapan juta rakyat Malaysia atau hampir sepertiga rakyat berbilang kaum negara ini dalam saham amanah melalui Permodalan Nasional Berhad (PNB). Dana ini sebahagiannya kemudian dilaburkan dalam pasaran ekuiti untuk membeli saham modal syarikat tersenarai.

Persoalan terakhir yang perlu dijawab adakah tindakan afirmatif berasaskan kaum masih perlu diteruskan, jawapannya sudah tentu perlu kerana ia adalah kunci kepada kestabilan sosial dan politik negara selama 35 tahun yang lalu. Bumiputera adalah 60 peratus populasi negara adalah tidak logik sama sekali untuk menghentikan tindakan afirmatif yang terbukti membantu mereka dan juga yang telah terbukti memanfaatkan kaum bukan Bumiputera.

Untuk berjaya dalam era globalisasi ini adakah kita mampu mengamalkan kaedah *Social Darwinism* di mana pengagihan sumber dibolot oleh yang terbaik, yang paling cekap di antara masyarakat tanpa sebarang campur tangan untuk menentukan kesaksamaan dan keadilan sosial, bukannya kita mencuba kaedah ini pasca merdeka dan ia mendatangkan kesan yang negatif seperti yang terbukti pada 1969.

Program kejuruteraan sosial pada skala DEB adalah satu prakarsa yang tidak pernah dicuba dalam mana-mana negara di dunia ini. Bagi merubah sebuah masyarakat petani sara diri yang rata-ratanya tinggal di luar bandar untuk menjadi masyarakat perdagangan dan perindustrian moden dalam tempoh dua dekad adalah suatu cabaran yang amat besar.

Tindakan afirmatif melalui DEB menunjukkan kejayaan memberangsangkan walaupun wujud kelemahan namun kelemahan tersebut adalah dari segi pelaksanaannya. Apa yang perlu dilakukan adalah bukan menghentikan tindakan afirmatif kerana terdapat kelemahan tetapi untuk menambah baik pelaksanaan serta keberkesannya, untuk itu insiden kebocoran dan ketirisan perlu diminimumkan.

Misi Nasional bagi menjayakan Wawasan 2020 menetapkan 2020 sebagai tahun matlamat pemilikan ekuiti 30 peratus Bumiputera ingin direalisasikan, ia tidak mustahil kerana semasa permulaan pelaksanaan DEB dengan modal insan yang minimum dan dengan kadar pemilikan hanya 2.4 peratus kita berjaya meningkatkan pencapaian ini kepada 20.3 peratus apabila DEB tamat.

Hari ini dengan pengalaman 35 tahun merancang dan melaksanakan proses kejuruteraan sosial, bersama dengan jumlah kelas menengah yang besar serta dengan bertambahnya modal insan Bumiputera yang berkualiti maka tidak mustahil dalam tempoh 14 tahun kita boleh mencapai matlamat pemilikan ekuiti 30 peratus yang gagal kita capai selama ini.

**Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo** adalah Menteri Besar Selangor yang juga Penasihat Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem)